

CNS7891

II GR 24-05 00165 RA879

RAH

Mahathir - Mulu

TAMAN NEGARA MULU (SARAWAK), 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang dalam rangka lawatan empat hari ke Sarawak, semalam melawat Taman Negara Mulu dan bertemu dengan para penduduk Berawan dan Penan di taman itu.

Masyarakat Berawan ialah satu daripada masyarakat Orang Ulu yang tinggal di kawasan pedalaman Sarawak manakala kaum Penan pula hidup berpindah-randah.

Perdana Menteri menasihati mereka supaya mengekalkan kesenian dan kebudayaan mereka kerana ia adalah satu cara untuk menunjukkan identiti mereka.

Beliau bagaimanapun mengingatkan mereka supaya sanggup mengikut perubahan masa agar tidak ketinggalan zaman.

+Kita tidak boleh hidup cara lama kerana ini akan menyebarkan bangsa kita ketinggalan dan hilang, katanya ketika berucap kepada mereka selepas majlis pertunjukkan kesenian oleh kedua-dua kaum itu sempena lawatannya di Rumah Rehat taman itu malam tadi.

Beliau gembira kerana melihat orang Penan yang berpindah-randah sudah dapat menetap di satu tempat dan pandai pula bercucuk tanam. -- Lagi.

♥24/05/13-02MST

CNS7892

II GR 24-05 00191 RA880

RAH

Mahathir - Mulu 2 Taman Negara Mulu

Perdana Menteri berkata, dengan menetap di satu tempat dapatlah kerajaan menyalurkan kemudahan asas seperti bekalan air paip dan elektrik dengan mudah dan ini akan menjadikan hidup mereka lebih sempurna.

Katanya, memang menjadi hasrat kerajaan pusat dan negeri untuk membangunkan penduduk-penduduk yang tinggal jauh terpencil di Sarawak dan mereka sentiasa diheri perhatian walaupun kedudukan mereka jauh dari Kuala Lumpur.

Mengenai Taman Negara Mulu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, taman itu yang dahulunya kurang dikenali sekarang sudah menjadi popular di seluruh dunia kerana keindahan semulajadinya termasuk gua-gua besar yang menarik dan mengagumkan.

Menurutnya, sudah ramai pelawat mengunjungi Mulu dan bilangannya semakin bertambah dari masa ke masa dan ini boleh memberi kesan yang baik kepada penduduk tempatan daripada segi pelancongan kerana mereka boleh melibatkan diri secara langsung dalam industri itu.

Penduduk tempatan boleh menghasilkan barangan kraftangan untuk dijual kepada pelancong dan menjadi pemandu pelancong yang melawat taman itu dan gua-gua di dalamnya bagi menambah pendapatan, katanya.

Adalah difahamkan kira-kira 5,000 pelancong melawat taman itu tahun lepas dan 60 peratus daripadanya ialah pelancong asing. -- Lagi.

♥24/05/13-03MST

CNS7903

II GR 24-05 00140 RARR1

RAH

Mahathir - Mulu 3 Taman Negara Mulu

Sebelum itu, Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, yang mengiringi Perdana Menteri ke taman itu, berkata lawatan Datuk Seri Dr Mahathir menunjukkan betapa semakin rapatnya hubungan penduduk Semenanjung dengan Sarawak.

Katanya, hubungan itu kukuh dan mengibaratkan Sarawak dan Semenanjung sebagai sebuah rumah panjang.

Pada majlis itu Perdana Menteri juga mengumumkan akan menanggung perbelanjaan pelajaran tiga orang anak kaum Penan hingga ke peringkat universiti serta menyediakan bekalan elektrik ke Long Terawan, sebuah rumah panjang penduduk Berawan di taman itu.

Reliau kemudian dihadiahkan dengan sebatang sumpit kayu manakala isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dihadiahkan sebuah +terendak+ oleh penduduk tempatan.

Petang semalam, Datuk Seri Dr Mahathir meninjau projek pembinaan landasan kapal terbang Mulu yang berharga \$8.4 juta. -- Lagi.

♥24/05/13-46MST

CNS7904

II GR 24-05 00086 RARR2

RAH

Mahathir - Mulu 4 Taman Negara Mulu

Projek itu, yang dijadual siap April depan, akan membolehkan pesawat Twin Otter mendarat dan memudahkan pelancong terbang ke Mulu dari Miri dalam masa 30 minit.

Sekarang pelancong yang hendak ke taman itu terpaksa menaiki bot dari Kuala Baram atau Marudi, yang mengambil masa antara tujuh hingga 11 jam.

Perdana Menteri juga melawat Gua Rusa dan Gua Lang di taman itu sebelum meniki helikopter ke Miri untuk sembahyang Jumaat. -- Bernama.

♥24/05/13-47MST